

19 JUN 1999

Umno-Senarai

ANTARA NAMA-NAMA PENERIMA SAHAM KHAS DAN PEMILIKAN SAHAM BUMIPUTERA

KUALA LUMPUR, 19 Jun (Bernama) -- Berikut ialah senarai nama-nama penerima saham khas Bumiputera dan senarai pemilikan saham Bumiputera yang diperuntukkan oleh Kementerian Kewangan antara tahun 1983 hingga 1998.

Antara senarai penerima saham khas Bumiputera yang diperuntukkan melalui Unit Perancang Ekonomi (EPU) (perjanjian telah ditandatangani sehingga 15 Jun 1999) ialah projek Express Rail Link bernilai RM2.4 bilion kepada Express Rail Link Sdn Bhd dengan pemegang saham utamanya ialah Datuk Dr Wan Hasni Wan Sulaiman dan Rahim Ghouse.

Projek Kuala Lumpur Sentral bernilai RM713 juta kepada Fresway Properties Sdn Bhd yang dimiliki oleh Mohd Nor Mutalib, Datuk Ahmad Nazri Abdullah dan Datuk Khalid Ahmad.

Projek Kuala Lumpur Linear City bernilai RM10 bilion kepada Datuk Kamaruddin Jaafar (KL Linear City Sdn Bhd), projek KL People-Mover Rapid Transit bernilai RM1.298 bilion dan projek Sabah Shipyard Sdn Bhd kepada Datuk Kamaruddin Jaafar.

Projek IPP (penjanaan kuasa swasta) Lumut bernilai RM3.7 bilion, projek IPP Port Dickson bernilai RM650 juta, IPP Melawa, Sabah bernilai RM200 juta, IPP Perak bernilai RM5.870 bilion, projek Sistem Televisyen Malaysia Bhd dan Satellite Network Services, kesemuanya kepada Mohd Nor Mutalib, Datuk Ahmad Nazri Abdullah dan Datuk Khalid Ahmad, serta projek Lebuhraya Ipoh-Lumut bernilai RM1 bilion kepada Mohd Nor Mutalib dan Datuk Ahmad Nazri Abdullah.

Manakala yang disenaraikan di bawah kelulusan prinsip sehingga 15 Jun 1999 ialah projek pembangunan semula Kampung Haji Abdullah Hukum kepada Datuk Ahmad Zahid Hamidi, projek penswastaan perkhidmatan ambulans kepada Datuk Nasruddin Abdul Jalil, projek Kompleks Jabatan Imigresen Shah Alam kepada Rustam Abdullah Sani dan projek Sistem Pengangkutan Bersepadu di Putrajaya kepada Dr Wan Mohamad Hasni Wan Sulaiman.

Sementara itu, antara yang disenaraikan di bawah senarai pemilikan saham Bumiputera bagi tahun 1998 ialah Datuk Ibrahim Abdul Rahman, bapa bekas timbalan perdana menteri Datuk Seri Anwar, yang memiliki 250,000 unit saham, Datuk Mohamed Feisal Ibrahim (13.4 juta unit), Datuk Mohd Yassin Jaafar (5 juta), Tan Sri Mohamed Khir Johari (250,000), Datuk Rastam Abdul Hadi (5 juta), Mohd Ibrahim Mohd Zain (20.1 juta), Datuk Abdul Aziz Ahmad (1 juta), Datuk Abdul Rahman Suliman (12 juta), Ainun Mohd Saaid (1.3 juta), Datin Munirah Abdullah Ng (2 juta), Noorjehan Rahima Abdul Hamid Jumat (2 juta), Elias Abdullah Ng (3 juta), Farizon Ibrahim (250,000), Datuk Ahmad Khairummuzammil Mohd Yusoff (8.8 juta) dan Datuk Mohd Shariff Shamsuddin (672,999) menerusi Pengkalen Holdings Bhd.

Antara yang disenaraikan untuk tahun 1997 ialah Datuk Ibrahim Abdul Rahman yang memiliki 3.790 juta saham menerusi Nissan Industrial Oxygen Incorporated Bhd.

Yang lain ialah Tan Sri Wan Azmi Wan Hamzah dengan 4.8 juta saham, Datuk Wan Zaki Wan Muda (2.9 juta) dan Nik Azam Wan Hamzah (1.8 juta) menerusi Chuan Huat Resources Bhd.

Datuk Ahmad Basri Bajuri, Datuk Abdul Hadi Sedek, Nor Hayati Haji Onn dan Datin Nuainun @ Shuhanie Deraman masing-masing 875,000 saham menerusi HIL Industries Bhd.

Antara yang disenaraikan di bawah pemilikan saham Bumiputera untuk tahun 1996 ialah Datuk Mohd Sarit Yusoh dan Datuk Mohd Razali Abdul Rahman masing-masing 1.2 juta saham dan Permodalan Nasional Bhd (PNB) (10.8 juta)

menerusi Khee San Bhd.

Datuk Kamaruddin Jaafar dan Hamzah Zainuddin masing-masing 7.5 juta saham dan PNB (5 juta) menerusi Malaysian Mosaic Bhd. Marzukhi Ibrahim (2.8 juta), Mohamed Noor Ishak (5.2 juta), PNB (3.5 juta) dan Kumpulan Pinang Holdings Sdn Bhd (500,000) menerusi Penas Corporation Bhd.

Yang turut tersenarai ialah PNB (5.5 juta), Amanah Saham Sabah (2 juta), A. Rahman Haron dan Ahmad Tajuddin Abdul Majid masing-masing 750,120, Awang Ahmad Awang Amin (2.9 juta), Wahab Omar (2.2 juta), Mohammad Yusuf Apdal (1.5 juta), Luminous Square Sdn Bhd (8.2 juta), Datuk Ahmad Zahid Hamidi (6.7 juta), Ahmad Johari Abdul Razak (7.2 juta) dan Mohammed Azlan Hashim (7 juta) menerusi Tekala Corporation Bhd.

Antara yang disenaraikan untuk tahun 1995 ialah Lembaga Tabung Angkatan Tentera (4 juta), Ibrahim Hashim (91,800), Datuk Mohd Razali Abdul Rahman (5.7 juta), Kamaruddin Md Nor (250,000), Koperasi Polis Diraja (M) Bhd (4 juta) dan PNB (5 juta) menerusi Eastern & Oriental Bhd.

Lembaga Tabung Haji (1.3 juta), Abdul Latif Mirasa (434,258), Man Mat (300,000), Abdul Rashid Ismail (1.1 juta), Selecta Accord (M) Sdn Bhd (434,258) menerusi Rex Industry Bhd.

Antara nama yang turut disenaraikan dalam pemilikan saham Bumiputera bagi tahun 1994 ialah Datuk Mohd Tahir Abdul Manan dengan sejumlah 700,000 saham, Prof Tengku Shamsul Bahrain (300,000), Dr Junid Abu Saham (300,000), Mohamad Ramli Yasir (1.3 juta), Datin Mahyon Idros (1.3 juta), Zainal Abidin Ahmad (600,000), Datuk Kamaruddin Jaafar (300,000), Mohd Hanapi Hamdan (100,000), Via Pilecon Bhd (291,589), Via Pilecon Szeto Sdn Bhd (300,053), Global Teamwork Sdn Bhd (100,000) dan Hanjar Sdn Bhd (100,000) menerusi Industronics Bhd.

Yang turut tersenarai ialah PNB, Ishak Ismail dan Empire Seal (M) Sdn Bhd masing-masing 1.7 juta saham menerusi Pintaras Jaya Bhd.

PNB (1.6 juta), Kudaya Makmur Sdn Bhd (6.2 juta), Othman Mohd Taib (4.8 juta), Mohamed Nizam Tun Abdul Razak (2.9 juta), HR Engineering Sdn Bhd (1.1 juta) dan Mirzan Mahathir (2.9 juta) menerusi Sunway Building Technology Bhd.

Antara senarai pemilikan saham untuk tahun 1993 ialah Koperasi Polis Diraja (M) Bhd (10 juta), Datuk Ibrahim Abdul Rahman (2 juta), Yayasan Pahang, Yayasan Kelantan, Yayasan Melaka, Yayasan Islam Perlis, Yayasan Terengganu, Yayasan Perak, Yayasan Negeri Sembilan, Yayasan Islam Negeri Kedah, Yayasan Sarawak, Yayasan Bumiputera Pulau Pinang serta Yayasan Pelajaran Johor masing-masing 1.6 juta saham, Syarikat Bumiputera Sdn Bhd (8 juta), Hamid Atan (2.2 juta), Mohd Hussain Sukor (1.2 juta), Johari Gosti (600,000), Abdul Haiyum Abdul Hamid (400,000), Zainal Khalid (300,000) dan Gapena Corporation Sdn Bhd (500,000) menerusi Industrial Oxygen Incorporated Bhd.

-- BERNAMA

WNZ RON